

FTA: Malaysia jawab ugutan AS

Um - 3/2/2007

Tolak agenda politik – Abdullah

KEPALA BATAS 2 Feb. – Malaysia menolak sebarang tekanan politik daripada Amerika Syarikat dalam Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dan tidak akan tunduk kepada sebarang ugutan membatalkan perjanjian itu jika Malaysia tidak menghentikan hubungan perdagangan dengan Iran.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan, sebagai sebuah negara berdaulat, Malaysia mempunyai kebebasan untuk menjalin hubungan dengan mana-mana pihak dan AS tidak mempunyai hak menghalangnya.

"Kita menolak apa jua tekanan yang akan dikenakan kepada kita berkaitan dengan rundingan (FTA) yang sedang berjalan waktu ini.

"Kita adalah negara berdaulat, kita berhak menjalin hubungan dengan mana-mana pihak, ini adalah atas kepentingan kita," tegasnya pada sidang akhbar selepas melancarkan penjenamaan semula Kolej Komuniti, di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas laporan muka depan *Utusan Malaysia* hari ini berhubung reaksi segera Malaysia menerusi Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz yang bersedia menasihatkan kerajaan membatalkan rundingan FTA itu dengan serta-merta.

Reaksi lantang Rafidah itu berikutan amaran anggota kanan Kongres AS, Tom Lantos yang mendesak pentadbiran Presiden George W. Bush supaya menggantung rundingan dengan Malaysia, sebagai memprotes tindakan negara ini menandatangani perjanjian projek pembekalan tenaga dengan Iran.

Lantos yang mengetuai Jawatankuasa Hal Ehwal Luar Dewan Perwakilan Amerika menggambarkan perjanjian RM57.6 bilion (AS\$16 bilion) yang dimeterai bulan lalu antara syarikat milik kerajaan Iran, National Iranian Oil Company dengan Kumpulan SKS dari Malaysia sebagai sesuatu yang 'sangat dibenci'.

Ekoran itu, Lantos mengirim surat kepada wakil perdagangan AS, Susan Schwab meminta semua rundingan antara kuasa besar itu dengan Malaysia mengenai FTA digantung sehingga Malaysia membatalkan perjanjian yang dicadangkan dengan Iran itu.

Antara syarat awal rundingan FTA yang dipersetujui antara Malaysia dan Amerika ialah tiada agenda politik, perjanjian berkenaan berteraskan pasaran dan tiada campur tangan antara kedua-dua kerajaan dalam dasar domestik negara masing-masing.

Mengulas lanjut, Abdullah berkata, walaupun setelah Malaysia menjalinkan FTA dengan AS, negara itu tetap tidak ada hak untuk menghalang Malaysia menjalin urusan niaga perdagangan dengan mana-mana negara.

"Dalam perundingan yang sedang di peringkat kelima ini, persetujuan yang ada, hal-hal berkaitan dengan isu-isu politik jangan dibawa dalam rundingan.

"Memang kita mempunyai pandangan yang berbeza dalam isu-isu politik tetapi sebagai negara yang berdaulat, maka tentulah kita ada kebebasan untuk ambil pendirian tertentu atau untuk menjalin kerjasama dengan mana-mana pihak," katanya.

Mengenai kemungkinan Malaysia akan membuat keputusan membatalkan rundingan FTA itu dengan serta-merta, Perdana Menteri berkata: "Mereka (anggota kongres) lain, rundingan kumpulan lain, kita tengok nanti."

Berhubung kemungkinan isu itu boleh menjejaskan hubungan Malaysia dengan AS, beliau berkata: "Itu soal mereka, pendirian kita, pendirian kitalah, masing-masing jaga hal masing-masing."

Tetap pertahan kedaulatan – Najib

KUALA LUMPUR 2 Feb. – Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan, Malaysia akan tetap mempertahankan pendirian dan kedaulatannya walaupun Amerika Syarikat (AS) menggertak untuk membatalkan rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) antara kedua-dua negara.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak akan membenarkan AS menggunakan FTA untuk menjejaskan kepentingan negara walaupun menyedari perjanjian tersebut boleh menguntungkan ekonomi negara ini.

"FTA mestilah jangan sampai menjejaskan kepentingan dala-

man negara terutama dasar-dasar induk negara kita yang dipertahankan selama ini," katanya pada sidang akhbar selepas majlis perasmian Persidangan Antarabangsa Peradaban Melayu Ketiga di sini hari ini.

Najib berkata, aspek kedaulatan negara seperti pembelian barangan tertentu oleh kerajaan perlu dipertahankan dan ia tidak boleh dikawal oleh negara luar.

Bagaimanapun, Timbalan Perdana Menteri mengakui FTA adalah sesuatu yang boleh menguntungkan Malaysia kerana bukan sahaja menambahkan perdagangan tetapi mampu meningkatkan pelaburan dan pemindahan teknologi.

"Kita mahukan FTA tetapi ia mesti selaras dengan kepentingan kita," kata beliau.

Kata beliau, pendirian itu telah dijelaskan kepada pihak AS dalam rundingan FTA, malah telah dijadikan garis panduan kepada pegawai Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang terlibat dalam rundingan itu.

AS beri amaran kekecewaan dalam hubungan ekonomi jika FTA gagal

KUALA LUMPUR 31 Jan. – Satu ancaman besar mungkin timbul mengenai jalinan ekonomi Malaysia dengan Amerika Syarikat (AS) sekiranya perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang sedang dirundingkan kedua-dua negara tidak berjaya.

Timbalan Wakil Perdagangan Amerika, Karan Bhatia berkata, sebarang keretakan kepada perdagangan, ia akan memberi mesej bahawa "negara tidak dibuka untuk perniagaan global, yang berada di sini untuk rundingan mengenai perdagangan dengan kita. FTA Malaysia-AS, kita, ia mungkin mewujudkan kerjasama besar dalam hubungan ekonomi dua hala dan kesannya akan membolehkan labur pergi ke

"Satu kebuntuan rundingan perdagangan boleh membawa kepada kekecewaan dan boleh membuatkan ia lebih sukar untuk menyelesaikan masalah-masalah ekonomi, beliau memberitahu pemberita di sini hari ini.

Beliau berkata, setiap FTA akan mewujudkan keistimewaan kedudukan perdagangan bagi syarikat Malaysia dalam pasaran AS dan menarik pertambahan pelaburan oleh dan-dari AS.

"Itu akan menghantar satu mesej bahawa AS dan Malaysia dibuka untuk perniagaan antara satu sama lain dan dengan negara lain di dunia," katanya.

Beliau berkata, ekspansi dari

ran AS lebih tinggi dibandingkan dari semua negara bukannya kuangi FTA.

Di antara tahun 2002-2004, port Malaysia mengalami pertumbuhan pada kadar 50 peratus pada AS\$36 bilion (RM126 bilion) daripada AS\$24 bilion (RM84 bilion), menjadikan AS sebagai rakedagang terbesar Malaysia.

Dengan FTA itu, Malaysia menikmati tambahan 50 per pertambahan, kata beliau.

Bhatia berkata, Malaysia akan memperoleh manfaat bukannya ekonomi.

"Tidak dapat banyak manfaat adalah nyata yang kami lihat mengenai sesuatu FTA itu," katanya.

— Bernama

KERATAN *Utusan Malaysia* 1 Februari 2007

Tunggu maklum balas AS – Rafidah

KUALA LUMPUR 2 Feb. – Kerajaan kini menanti maklum balas daripada Amerika Syarikat (AS) berhubung rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan negara itu ekoran kesediaan Malaysia membatalkannya jika diugut mengenai hubungan niaganya dengan Iran.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, setakat ini, pihak AS belum memberikan sebarang maklum balas dan

keputusan susulan terletak di tangan kerajaan negara itu.

"Ugutan agar Malaysia menghentikan hubungan perdagangan dengan Iran, dengan membatalkan rundingan FTA dengannya bukan datang daripada kerajaan tetapi dilobi.

"Keputusan terletak di tangan kerajaan AS. Kalau mereka mendengar (desakan pelobi), maka putuskan sahajalah (rundingan FTA itu)," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di

sini hari ini.

Rafidah berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataannya semalam bahawa beliau bersedia menasihatkan kerajaan agar membatalkan rundingan FTA dengan AS dengan serta-merta.

Menurut Rafidah, AS tidak ada hak menghalang Malaysia menjalinkan urusan niaga perdagangan dengan mana-mana negara walaupun setelah negara menjalinkan FTA dengan mereka.